

JBPM Perak Kunjung UPSI, Bincang Peluang Kerjasama

Tanjong Malim, 1 Ogos - Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak, Sayani Saidon melakukan satu kunjungan hormat bersama 6 orang pegawai JPBM ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kampus Sultan Abdul Jalil Shah hari ini.

Pertemuan dua hala ini bertujuan membincangkan dan memperkukuhkan peluang kerjasama strategik terutama dari segi inisiatif yang disediakan oleh pihak UPSI dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada komuniti mengenai kepentingan keselamatan.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff di dalam ucapan turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada JBPM kerana sentiasa menyalurkan khidmat perlindungan dan kemanusiaan semasa berlakunya apa jua bencana.

"UPSI sentiasa mengalu-alukan kedatangan pihak JBPM Negeri Perak untuk menjalankan aktiviti latihan menyelamat dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi melahirkan

pegawai yang profesional." ujar beliau.

Sementara itu, Sayani Saidon berkata masyarakat pada masa kini perlu didedahkan mengenai kesedaran dalam menjaga keselamatan diri, keluarga serta komuniti sekitar.

"Kebanyakan masyarakat lebih mempelajari teori berbanding latihan amali menyebabkan mereka menghadapi sedikit kesukaran untuk mengendalikan hal-hal kecemasan. Menerusi kolaborasi dengan pihak UPSI ini akan menjadikan satu platform bagi memberi latihan dan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menjaga keselamatan diri dan orang lain" katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



WCIT 2024 yang dianjurkan secara bersama oleh Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Kerajaan Negeri Perak itu akan menjadi platform diskusi bagi tujuh sub

Persidangan tiga (3) hari bertaraf antarabangsa bermula hari ini tersebut dihadiri oleh lebih 1,000 orang yang terdiri daripada para ulama, pemimpin, intelektual, profesional, dan masyarakat dalam dan luar negara.


DYMM Sultan
Perak, Sultan Nazrin
Muizzuddin Shah
turut berkenan
untuk berangkat
bagi merasmikan

Penganjuran kali ke-7 WCIT bertemakan 'Together We Stand: Muslims and Global Humanity' tersebut merupakan buah fikiran YB Menteri sendiri ketika beliau menjawat jawatan Menteri Besar Perak pada ketika itu. Selain itu, beliau turut akan berdialog bersama barisan panel ilmuwan terkemuka dunia bagi mengupas topik berkaitan pendidikan dan penyelidikan dari perspektif dunia Islam.

Putrajaya, 2 Ogos - Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir menyempurnakan majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024 bagi bulan Ogos di sini petang tadi.

Pada majlis itu juga, beliau telah melancarkan Dashboard Pendidikan Tinggi, iaitu sebuah pelantar yang membolehkan para pemegang taruh mengakses pencapaian sektor Institusi-institusi Pendidikan Tinggi negara. Terdapat 3 Inisiatif yang dipantau

di dalam dashboard ini termasuk Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Kajian Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (NRC).



**Tanjong Malim, 31
Julai** - Siswa jurusan
Ijazah Sarjana Muda
Kejuruteraan Perisian
dari Universiti
Pendidikan Sultan
Idris (UPSI), Alan Tan
Khee Sheng meraih
tempat ke-7 dalam
kejuhanan Adobe
Certified Professional
World Championship
2024 yang diadakan di
California.

Siswa semester ke-2 dari Fakultas Komputeran dan META-Teknologi (META), UPSI itu bersaing dengan 47

orang peserta yang mewakili lebih 40 negara dari seluruh dunia bagi merangkul anugerah tersebut yang berlangsung pada 28 hingga 31 Julai yang lalu.

“Saya berbangga dengan hasil kerja yang telah saya lakukan pada tahap ini namun yang paling penting saya dapat mengharumkan nama UPSI dan Malaysia di persada antarabangsa.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih juga diucapkan kepada pihak UPSI kerana memberi tunjuk ajar dan peluang kepada saya untuk menyertai kejohanan dunia pada kali ini” katanya. Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Komputer & Teknologi Digital, FKMT, UPSI, Encik Ahmad Nurzid Rosli yang juga mengiringi Alan Tan Khee Sheng di pentas dunia itu turut menzahirkan rasa bangga di atas pencapaian anak didiknya itu.

**Perkongsian Amalan Serta Pendekatan
Pengurusan Aktiviti Pelajar**

Perkongsian Amalan Serta Pendekatan Pengurusan Aktiviti Pelajar

Bagan Datuk

UPSI Sumbang Al-Quran dan Lampu Solar: Suburkan ROHANI dan Kesejahteraan Komuniti Bagan Datuk

UPSI Sumbang Al-Quran dan Lampu Solar: Suburkan ROHANI dan Kesejahteraan Komuniti Bagan Datuk

**Kesatuan Guru-guru Melayu
Malaysia Barat Jalin Kerjasama
dengan FPM,UPSI**

**Pensyarah UPSI Rangkul
Naib Johan Lenggong Kayak
Orienteering Championship
2024**

Tanjong Malim

Lawatan LPU UPSI ke Sekolah Seri Budiman UPSI

Lawatan LPU UPSI ke Sekolah Seri Budiman UPSI